<i>Item</i>	<i>Description of Instrument</i>	<i>Proper Stamp Duty</i>
	<i>Exception for Item 2</i>	
	Shares in unquoted companies on Bursa Malaysia	0.1% of the price or value of any shares on the date of transfer, whichever is the greater
3.	Contract note relating to the sale of any stock, shares or marketable securities in companies incorporated in Malaysia or elsewhere	0.1% of the value of any stock, shares or marketable securities on the date of transaction
4.	Accounts receivables or book debts through absolute sale, under a factoring agreement to—	RM10
	(a) a bank or investment bank licensed under the Financial Services Act 2013	
	(b) an Islamic bank licensed under the Islamic Financial Services Act 2013	
	(c) an institution licensed under the Development Financial Institution Act 2002	
	(d) any other institution which carries out factoring business approved by the Minister	
5.	Annuity	RM10

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>
<i>Item</i>	<i>Description of Instrument</i>	<i>Proper Stamp Duty</i>
6.	Any property—	RM10
	(a) for the purpose of effectuating the appointment of a new trustee or the retirement of a trustee although no new trustee is appointed	
	(b) where the transaction is between trustees and the beneficial interest in the property does not pass	
7.	In any other case	RM10

Exemptions to Part 1

- (a) Transfers on sale of land for the recovery of land revenue;
- (b) Transfers by endorsement—
 - (i) of a bill of exchange, cheque or promissory note
 - (ii) of a bill of lading, warrant for goods or other mercantile document of title to goods
 - (iii) of a policy of insurance other than a policy of life insurance
 - (iv) of charges on rates and taxes authorised by any written law for the time being in force in Malaysia
 - (v) of securities of the Government of Malaysia or of any State
- (c) Transfer of units of a unit trust
- (d) Transfer or assignment on sale of any copyright, trade mark, patent or any similar right
- (e) Transfer of property under a deceased estate to the beneficiaries of that estate
- (f) Renunciation of property under a deceased estate by a beneficiary where he releases his right to the property to another beneficiary from the same estate.

PART 2

ASSIGNMENT, BOND, CHARGE OR MORTGAGE, AGREEMENT FOR A CHARGE OR MORTGAGE (INCLUDING THAT IN ACCORDANCE WITH THE PRINCIPLES OF SHARIAH), COVENANT, DEBENTURE, BILL OF SALE, MARKETABLE SECURITY

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>
<i>Item</i>	<i>Description of Instrument</i>	<i>Proper Stamp Duty</i>
1.	Security instrument—	
	(a) by way of security and being the only or principal or primary security (other than an equitable mortgage or an assignment of receivables or the kind mentioned in subitem (k)) for the payment or repayment of money—	
	(i) where the loan is to a small and medium enterprise or financing is provided to a small and medium enterprise in accordance with the principles of Shariah	For an amount of the aggregate loans or of the aggregate financing in accordance with the principles of Shariah in a calendar year does not exceed RM250,000 For each additional ringgit but not exceeding RM1,000,000 For each additional ringgit exceeding RM1,000,000
		0.05% on the amount of the aggregate loans or of the aggregate financing 0.25% on the amount of the aggregate loans or of the aggregate financing exceeding RM250,000 0.5% on the amount of the aggregate loans or of the aggregate financing exceeding RM1,000,000

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>
<i>Item</i>	<i>Description of Instrument</i>	<i>Proper Stamp Duty</i>
	(ii) where the loan is a foreign currency loan or the financing was made in accordance with the principles of Shariah in currencies other than the ringgit	0.5% of the loan or financing amount but the total duty payable shall not exceed RM1,000
	(iii) other than payment or repayment as mentioned under (i) or (ii)	0.5% of the loan or financing amount
(b)	by way of security and being the only or principal or primary security for the transfer or retransfer of stock	0.5% of the loan or financing amount
(c)	by way of security and being a collateral or auxiliary or additional or substituted security (other than an equitable mortgage) or by way of further assurance for the above-mentioned purpose where the principal or primary security is duly stamped	RM10

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>
<i>Item</i>	<i>Description of Instrument</i>	<i>Proper Stamp Duty</i>
(d)	by way of security and being a charge or mortgage executed in pursuance of a duly stamped agreement for the same, on production of such agreement to the Collector	RM10
(e)	an equitable mortgage by way of security	One-half of the duty which would be chargeable on a mortgage for the amount secured
(f)	annuity by way of security	0.5% of the amount deemed to be secured thereby
(g)	being a marketable security not transferable by delivery, for or in respect of the money secured	0.5% of the money secured
(h)	being a marketable security transferable by delivery	0.5% of the nominal value of the security
(i)	release or renunciation by way of security	0.5% of the amount released or renounced
(j)	by way of security and being a transfer, assignment or disposition of any charge or mortgage, bond, covenant or debenture (not being a marketable security) or of any money or stock secured by any such instrument	40% of the duty which would be chargeable on a charge or mortgage for the amount transferred

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>
<i>Item</i>	<i>Description of Instrument</i>	<i>Proper Stamp Duty</i>
	Note: Where any further money is added to the money already secured	0.5% of the further money added
(k)	a charge or a mortgage on or an assignment by way of security of accounts receivables to—	RM10
	(i) a bank or investment bank licensed under the Financial Services Act 2013	
	(ii) an Islamic bank licensed under the Islamic Financial Services Act 2013	
	(iii) an institution licensed under the Development Financial Institutions Act 2002	
	(iv) any other institution which carries out a factoring business approved by the Minister	
	under an agreement for discounting invoices or hire purchase receivables	

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>
<i>Item</i>	<i>Description of Instrument</i>	<i>Proper Stamp Duty</i>
	(l) letter of hypothecation	RM10
	(m) trust receipt granted on the occasion of a loan or overdraft on goods, if unattested	RM10
2.	Re-conveyance of charged or mortgaged property, Re-assignment, Release, Discharge, Surrender or Renunciation of any security or of the benefit thereof or of the money thereby secured	RM10
3.	Bond, Charge, Mortgage or Other Instrument executed by way of Indemnity or of Security for the due execution of an office, or the discharge of liabilities, arising out of the execution thereof, or to account for money received by virtue thereof	RM10
	<i>Exemptions</i>	
	(a) bond executed by an officer of the Government or his surety to secure the due execution of an office or the due accounting for money or other payments secured by virtue thereof	
	(b) bonds required to be executed under the provisions of the Criminal Procedure Code	
4.	In any other case	RM10

PART 3

BOND, COVENANT, LICENCE, LOAN, SERVICES, EQUIPMENT LEASE AGREEMENT
OR INSTRUMENT OF ANY KIND WHATSOEVER

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>
<i>Item</i>	<i>Description of Instrument</i>	<i>Proper Stamp Duty</i>
1.	Being the only or principal or primary security—	
	(a) for any annuity (except upon the original creation thereof by way of sale or security, and except a superannuation annuity)—	
	(i) for a definite or certain period so that the total amount to be ultimately payable can be ascertained; or	0.5% of the annuity
	(ii) for the term of life or any other indefinite period,	1% of the annuity
	(b) for any sum or sums of money, not being interest for any principal sum secured by a duly stamped instrument, nor rent reserved by a lease—	
	(i) for a definite or certain period so that the total amount to be ultimately payable can be ascertained	0.5% of such total amount payable
	(ii) for the term of life or any other indefinite period	1% of such total amount payable

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>
<i>Item</i>	<i>Description of Instrument</i>	<i>Proper Stamp Duty</i>
	(c) for any instrument where the total amount payable cannot be ascertained	RM500
2.	Being a collateral or auxiliary or additional or substituted security for any of the above mentioned purposes where the principal or primary instrument is duly stamped—	
	(a) where the total amount to be ultimately payable can be ascertained	RM10
	(b) in any other case	0.25% of annuity or sum periodically payable
3.	Being a grant or contract for payment of a superannuation annuity, that is to say a deferred life annuity granted or secured to any person in consideration of annual premiums payable until he attains a specified age, and so to commence on his attaining that age	RM10
4.	Being the security for payment or repayment of money made for the purpose of pursuing higher education in a higher educational institution	RM10
5.	Being the security for securing the payment for the provision of services or facilities or other matters or things in connection with the lease of any immovable property	Where the lease is for a period not exceeding one year 0.4% of average rent and other consideration calculated for the whole year Where the lease is for a period exceeding one year but not exceeding three years 0.8% of average rent and other consideration calculated for the whole year

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>
<i>Item</i>	<i>Description of Instrument</i>	<i>Proper Stamp Duty</i>
		Where the lease is for a period exceeding three years or for any indefinite period
		1.6% of average rent and other consideration calculated for the whole year
6.	Being the security for securing the payment or repayment of money for the purchase of goods (within the meaning given under the First Schedule of the Hire Purchase Act 1967 [Act 212] in accordance with the principles of Shariah	RM10
7.	In any other case	RM10

PART 4

LEASE OR AGREEMENT FOR LEASE

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>
<i>Item</i>	<i>Description of Instrument</i>	<i>Proper Stamp Duty</i>
1.	Lease or agreement for lease under the principle of Al-Ijarah for the purpose of financing or securing repayment of money	0.5% of total amount of lease payable
2.	Lease or agreement for a lease of any immovable property and for securing the payment for the provision of services or facilities or to other matters or things in connection with such lease:	
(a)	without fine or premium	Where the lease is for a period not exceeding one year
		0.4% of average rent and other consideration calculated for the whole year

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>
<i>Item</i>	<i>Description of Instrument</i>	<i>Proper Stamp Duty</i>
		Where the lease is for a period exceeding one but not exceeding three years
		0.8% of average rent and other consideration calculated for the whole year
		Where the lease is for a period exceeding three years or for any indefinite period
		1.6% of average rent and other consideration calculated for the whole year
(b)	in consideration of a fine or premium and without rent	If the consideration or market value of the property (whichever is higher) does not exceed RM100,000
		1% on the amount or value of the consideration
		If the consideration or market value of the property (whichever is higher) exceeds RM100,000 but not exceeding RM500,000
		RM1,000 plus 2% on any amount by which the amount or value of the consideration exceeds RM100,000
		If the consideration or market value of the property (whichever is higher) exceeds RM500,000
		RM9,000 plus 3% on any amount by which the amount or value of the consideration exceeds RM500,000
(c)	in consideration of a fine or premium and reserving a rent or other considerations	The same duty as in subitem (a) in respect of the lease for the rent or other considerations, and the same duty as in subitem (b) in respect of the fine or premium
(d)	where a percentage or proportion, or the value of a percentage or proportion, of the produce of the land is reserved or payable to the lessor	RM10

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>
<i>Item</i>	<i>Description of Instrument</i>	<i>Proper Stamp Duty</i>
	(This duty is in addition to any duty which may be chargeable under (a), (b) or (c) above on account of any specified rent, fine or premium)	
(e)	in pursuance of a duly stamped agreement for the same on production of such agreement to the Collector	RM10
(f)	in any other case	RM10

Exemption to Item 2

Agricultural Lease or Agreement for Agricultural Lease for any definite term not exceeding three years when the rent reserved does not exceed two hundred ringgit a year

3.	Surrender of Lease	RM10
----	--------------------	------

PART 5

MISCELLANEOUS

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>
<i>Item</i>	<i>Description of Instrument</i>	<i>Proper Stamp Duty</i>
1.	Agreement or Memorandum of Agreement or Contract made under hand only, and not otherwise specially charged with any duty—	

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>
<i>Item</i>	<i>Description of Instrument</i>	<i>Proper Stamp Duty</i>
	(a) for the supply of goods, wares or merchandise whereby the goods in consideration of periodical payments may become the property of the person to whom they are supplied; or	RM10
	(b) whether the same is only evidence of a contract or obligatory on the parties from it being a written instrument	RM10

Exemptions to Item 1

Agreement or Memorandum—

- (a) for or relating to the sale of any goods, wares or merchandise other than a hire-purchase agreement;
 - (b) the matter whereof is of a value of less than RM300;
 - (c) for the reference of any matter to arbitration;
 - (d) for the payment of interest on money deposited in any bank or with any banker;
 - (e) for the repurchase of negotiable certificate of deposit whose issue has been authorized by Bank Negara Malaysia.
2. Appointment of a receiver under a mortgage RM10
 3. Appointment of a new trustee, and appointment in execution of a power, of any property, or of any share or interest in any property, by any instrument not being a will RM10

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>
<i>Item</i>	<i>Description of Instrument</i>	<i>Proper Stamp Duty</i>
4.	Articles of Association or Constitution of a company	RM100
5.	Assurance or insurance including policy of insurance:	
	(a) policy of sea insurance	RM10
	(i) policy of sea insurance including time policies or policies for covering a vessel or her machinery or fittings whilst under construction or repair or on trial, whether the period exceeds twelve months or not	
	(ii) for policies containing a continuation clause, additional duty	

Note: When a policy of sea insurance is drawn in a set according to the custom of marine insurers and one of the set is duly stamped, the other or others of the set shall, unless issued or in some manner negotiated apart from such duly stamped policy, be exempt from duty; and, upon proof of the loss or destruction of a duly stamped policy forming one of a set, any other policy of the set which has not been issued or in any manner negotiated apart from such lost or destroyed policy may although unstamped, be admitted in evidence to prove the contents of such lost or destroyed policy

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>
<i>Item</i>	<i>Description of Instrument</i>	<i>Proper Stamp Duty</i>
(b)	fire policy	RM10
	For all policies and renewals irrespective of the sum insured or the term	
(c)	accident policy and policy of insurance for any payment agreed to be made during the sickness of the insured person, or his incapacity from personal injury, or by way of indemnity against loss or damage of or to any property of the insured person	RM10
(d)	life policy	RM10
	<i>Exemption</i>	
	Where the sum insured does not exceed RM10,000	
(e)	re-insurance by an insurance company which has granted a Policy of Sea Insurance or a Policy of Fire Insurance with another Company by way of indemnity or guarantee, against the payment on the original insurance of a certain part of the sum insured thereby irrespective of the sum insured or the term	RM10

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>
<i>Item</i>	<i>Description of Instrument</i>	<i>Proper Stamp Duty</i>
	(f) third party policy:	RM10
	(i) covering liability of the insured towards others	
	(ii) workmen's compensation (Employer's liability): policy covering the liability of the insured to pay compensation to a workman or employee in regard to sickness or personal injury	
	(g) comprehensive policy	RM10
	Combining any two or more of the following risks: fire, personal injury, or sickness of the insured, damage, loss, theft and third party claims	
	(h) any other insurance policy not specifically provided for	RM10

General Exemption

Letter of cover or engagement to issue a policy of insurance:

Provided that unless such letter or engagement bears the stamp prescribed by this Act for such policy nothing shall be claimable under it, nor shall it be available for any purpose except to compel the delivery of the policy mentioned in it

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>
<i>Item</i>	<i>Description of Instrument</i>	<i>Proper Stamp Duty</i>
6.	Cheque	15 sen for each cheque
7.	Counterpart or duplicate of any instrument chargeable with duty, and in respect of which the proper duty has been paid	RM10
8.	Covenant: Any separate instrument or deed of covenant (not being an instrument or deed chargeable with <i>ad valorem</i> duty as a conveyance or charge or mortgage) made on the sale, charge or mortgage of any property, or of any right or interest in it, and relating solely to the conveyance or enjoyment of or the title to the property sold, charged or mortgaged, or to the production of the documents of title relating to it, or to all or any of the said matters	RM10
9.	Declaration of any use or trust of or concerning any property by any writing, not being a will, or an instrument chargeable with duty as a settlement	RM10
10.	Letter of allotment and letter of renunciation or any document having the effect of a letter of allotment of shares in any company or proposed company or in respect of any loan raised or proposed to be raised by any company or proposed company	RM10

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>
<i>Item</i>	<i>Description of Instrument</i>	<i>Proper Stamp Duty</i>
11.	Letter of guarantee	RM10
12.	Memorandum of Association or Constitution of a company	RM100
13.	Partnership:	RM10
	(a) instrument of	
	(b) dissolution of	
14.	Power or letter of attorney:	RM10
	(a) instrument of	
	<i>Exemption</i>	
	For the sole purpose of appointment or authorizing any person to vote as proxy at a meeting of a Company or Association	
	(b) revocation of	
	(c) substitution under or by virtue of a power of attorney and any such instrument cancelling or varying any such substitution	
15.	Promissory Note:	RM10
	(a) instrument of	
	(b) protest of note (any declaration in writing made by a Notary Public, or other person lawfully acting as such, attesting the dishonor of a promissory note)	

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>
<i>Item</i>	<i>Description of Instrument</i>	<i>Proper Stamp Duty</i>
16.	Revocation of any use or trust of any property by any writing not being a will	RM10
17.	Share Warrant or Stock Certificate to bearer	1% of the nominal value of the shares or stock specified in the warrant
18.	Of any kind not otherwise specially charged with duty	RM10".

Penggantian Jadual Kedua

75. Akta ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan Jadual yang berikut:

“SECOND SCHEDULE

[Subsections 7(3), (4) and (7), subsection 35A(2) and paragraph 36(1)(c)]

PERSONS REQUIRED TO CANCEL ADHESIVE STAMPS

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>	<i>Fourth Column</i>
<i>Item</i>	<i>Nature of instrument</i>	<i>In the First Schedule</i>	<i>Person required to cancel the adhesive stamp</i>
		<i>Item - Part</i>	
1.	Agreement	1 Part 5	The person by whom the instrument is first executed
2.	Any Bond furnished to the Director General of Immigration in connection with the grant of any pass or permit issued under the Immigration Act 1959/63	7 Part 3	An Immigration officer

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>	<i>Fourth Column</i>
<i>Item</i>	<i>Nature of instrument</i>	<i>In the First Schedule</i> <i>Item - Part</i>	<i>Person required to cancel the adhesive stamp</i>
3.	Articles of Association or Constitution of a company (unless compounded for)	4 Part 5	The Registrar of Companies
4.	Cheque (unless compounded for):		
	(a) when drawn or made out of Malaysia	6 Part 5	The first holder in Malaysia
	(b) when drawn or made in Malaysia		The drawer
5.	Contract Note (unless compounded for)	3 Part 1	The person by whom the note is executed
6.	Declaration of any use or trust of or concerning any property by any writing, not being a will, or an instrument chargeable with duty as a settlement executed with Amanah Raya Berhad	9 Part 5	Manager or Trust Executive of Amanah Raya Berhad
7.	Employment Contract issued to the Immigration Department for the purpose of securing a pass	1 Part 5	An Immigration officer
8.	Letter of allotment	10 Part 5	The person by whom the letter is signed
9.	Letter of renunciation	10 Part 5	The person in whose favour the letter is executed
10.	Memorandum of Association or Constitution of a company (unless compounded for)	12 Part 5	The Registrar of Companies
11.	Memorandum of Sale	1 Part 5	Registrar of High Court

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>	<i>Fourth Column</i>
<i>Item</i>	<i>Nature of instrument</i>	<i>In the First Schedule</i>	<i>Person required to cancel the adhesive stamp</i>
		<i>Item - Part</i>	
12.	Policy of Insurance when issued out of Malaysia	5 Part 5	The first holder in Malaysia
13.	Protest of Note	15(a) Part 5	The Notary
14.	Revocation of Power of Attorney	14(b) Part 5	The person by whom the instrument is executed
15.	Student Loan Agreement for the purpose of pursuing higher education in a college or university	4 Part 3	The lender”.

Penggantian Jadual Ketiga

76. Akta ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Ketiga dengan Jadual yang berikut:

“THIRD SCHEDULE

[Paragraph 33(a)]

DUTY BY WHOM PAYABLE

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>	<i>Fourth Column</i>
<i>Item</i>	<i>Nature of instrument</i>	<i>In the First Schedule</i>	<i>Person liable to pay duty</i>
		<i>Item - Part</i>	
1.	Agreement or Memorandum of Agreement or Contract	1 Part 5	The person by whom the instrument is first executed
2.	Bond	1 or 3 Part 2; 1 or 7 Part 3	The obligor or other person giving the security
3.	Charge or mortgage	1 Part 2	The charger, mortgagor or obligor

<i>First Column</i>	<i>Second Column</i>	<i>Third Column</i>	<i>Fourth Column</i>
<i>Item</i>	<i>Nature of instrument</i>	<i>In the First Schedule</i>	<i>Person liable to pay duty</i>
		<i>Item - Part</i>	
4.	Contract	1 Part 5	The person by whom the instrument is first executed
5.	Contract Note	3 Part 1	The person on whose account the purchaser or sale is made
6.	Conveyance	1 Part 1	The grantee or transferee
7.	Exchange of real property	1(e) Part 1	The transferee
8.	Lease or Agreement for lease:	2 Part 4	
	(a) lease or agreement		The lessee
	(b) counterpart		The lessor
9.	Re-conveyance	2 Part 2	The transferee or assignee or the person redeeming the security".

Penggantian Jadual Kelima

77. Akta ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kelima dengan Jadual yang berikut:

“FIFTH SCHEDULE

[Subsection 8(1)]

LIST OF INSTRUMENTS ON WHICH DUTY IS PAYABLE BY MEANS OF POSTAL FRANKING MACHINE OR DIGITAL FRANKING MACHINE

1. Transfer of shares in public companies listed on Bursa Malaysia
2. Hire-Purchase Agreement and guarantee relating to it
3. Letter of indemnity
4. Letter of guarantee
5. Letter of allotment
6. Student loan agreement
7. Articles of Association or Constitution of a company
8. Memorandum of Association or Constitution of a company”.

Kecualian dan peralihan

78. Akta ini tidaklah menyentuh—

- (a) apa-apa surat cara yang disempurnakan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini;
- (b) apa-apa surat cara yang disempurnakan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini yang melaksanakan penjualan di bawah perjanjian yang disetemkan dengan sempurna bagi penjualan dan pembelian yang disempurnakan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini;
- (c) apa-apa tanggungan untuk membayar duti setem yang diperuntukkan di bawah mana-mana peruntukan dalam mana-mana undang-undang bertulis sehingga peruntukan berkenaan dimansuhkan;
- (d) apa-apa pengecualian daripada membayar duti setem yang diperuntukkan di bawah mana-mana peruntukan dalam mana-mana undang-undang bertulis sehingga peruntukan itu dimansuhkan di bawah Akta Pembatalan Pengecualian Daripada Bayaran Duti-Duti Setem 1992 [Akta 478];
- (e) apa-apa tanggungan yang dilakukan, duti, penalti atau wang lain yang kena dibayar sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini; dan
- (f) apa-apa bantahan atau rayuan yang dibuat oleh mana-mana orang bagi taksiran yang dibangkitkan sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini, dan bantahan atau rayuan itu hendaklah diuruskan di bawah Akta itu seolah-olah Akta itu tidak dipinda.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949 (“Akta 378”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 378 untuk meminda takrif tertentu sedia ada dan memasukkan takrif baharu.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 3A Akta 378. Dengan pengenalan swataksir, kuasa Pemungut diperluaskan bagi maksud pelaksanaan audit. Pemungut boleh menghendaki seseorang hadir secara sendiri di hadapannya dan menggeledah tanah, bangunan dan tempat yang Pemungut mempunyai akses. Halangan atau keengganan untuk membenarkan masuk, keengganan untuk menggemukakan surat cara, buku, akaun, rekod atau dokumen lain dan kegagalan untuk memberikan kemudahan dan bantuan yang munasabah bagi maksud audit menjadi suatu kesalahan. Cadangan pindaan juga bertujuan untuk menaikkan denda maksimum daripada dua ratus lima puluh ringgit kepada sepuluh ribu ringgit untuk mencerminkan keberatan apa-apa ketidakpatuhan.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa duti yang kena dibayar dan pengecualian daripada duti setem ke atas surat cara adalah tertakluk kepada Akta ini sahaja. Seksyen ini juga memperuntukkan bahawa semua surat cara yang boleh dikenakan duti hendaklah disetamkan dengan sempurna.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda subseksyen 4A(3) Akta 378 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan mendaftarkan apa-apa surat cara pindah milik yang tidak disetamkan dengan sempurna mengikut subseksyen 4A(2) Akta 378.
7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa pemakaian seksyen 6 adalah tertakluk kepada Akta 378 sahaja.
8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 378 untuk memasukkan kaedah membayar dan menandakan duti dengan cara cap tekanan.
9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 8 Akta 378 untuk mengadakan peruntukan bahawa kesan cap yang menunjukkan pembayaran duti yang dibuat oleh mesin frangki digital hendaklah mengandungi tarikh sebenar kesan cap dibuat. Cadangan pindaan juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi masa untuk sesuatu surat cara boleh difrangki dan untuk menaikkan penalti bagi kesalahan di bawah seksyen ini.
10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta 378 untuk memberikan kuasa kepada Pemungut, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, untuk mengkompaun bayaran duti ke atas surat cara tertentu mengikut syarat yang ditetapkan di bawah seksyen ini. Cadangan pindaan ini juga bertujuan untuk menaikkan bayaran lanjut di bawah subseksyen (3) daripada dua ratus ringgit atau sepuluh peratus daripada jumlah kena dibayar kepada lima ratus ringgit atau dua puluh peratus daripada jumlah kena dibayar.
11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 10 Akta 378 untuk mencerminkan amalan penyetakan semasa yang tidak lagi menggunakan kertas berselem.
12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 11 Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa duti yang kena dibayar bagi sesuatu surat cara yang bersandar ke atas duti yang dibayar oleh surat cara yang lain hendaklah terpakai bagi surat cara yang ditaksir atau dianggap telah ditaksirkan di bawah perenggan 36(1)(a) atau (b) Akta 378.

13. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 11A Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa replikat sesuatu surat cara tidak boleh disifatkan telah disetemkan dengan sempurna melainkan jika boleh ditunjukkan sehingga memuaskan hati Pemungut bahawa semua fakta dan hal keadaan yang menyentuh liabiliti duti surat cara asal telah dinyatakan sepenuhnya dan sebenarnya. Cadangan pindaan ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa penyerahan replikat surat cara hendaklah dibuat dalam tempoh enam tahun dari tarikh penyempurnaan surat cara itu.

14. *Fasal 13* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 11B ke dalam Akta 378 untuk memperkatakan tentang kehilangan sijil setem yang, setelah permohonan dibuat kepada Pemungut, Pemungut boleh mengeluarkan sijil setem ganti apabila Pemungut berpuas hati bahawa semua fakta dan keadaan yang menyentuh tanggungan surat cara asal kepada duti telah dikemukakan sepenuhnya dan sebenarnya dan amaun duti yang boleh dikenakan telah dibayar.

15. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda seksyen 12 Akta 378 untuk memasukkan amalan penyeteman yang baharu yang menurutnya salinan dan kaunterpart surat cara hendaklah dianggap tidak disetemkan dengan sempurna melainkan jika ditunjukkan kepada Pemungut surat cara asal yang telah disetemkan.

16. *Fasal 15, 19, 20 dan 26* bertujuan untuk meminda seksyen 12A, 17, 20 dan 29A Akta 378 berbangkit daripada pindaan kepada Jadual Pertama.

17. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 15 Akta 378 dengan melanjutkan tempoh yang syarikat hendaklah kekal sebagai pemilik benefisial syer daripada dua tahun kepada tiga tahun bagi membolehkan syarikat itu mendapat pengecualian di bawah seksyen ini. Setiap syarikat yang menjadi pihak kepada surat cara juga dikehendaki untuk memaklumkan kepada Pemungut apa-apa perubahan hal keadaan dalam tempoh tiga puluh hari dari berlakunya perubahan itu.

18. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda seksyen 15A Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa sesuatu syarikat tidak boleh melupuskan aset yang telah diperoleh oleh syarikat dalam tempoh tiga tahun dari tarikh pemindahhakan atau pindah milik dan hendaklah kekal bersekutu untuk tempoh tiga tahun. Cadangan pindaan juga mensyaratkan bahawa duti setem dan bunga akan dikenakan jika didapati bahawa pengisytiharan atau keterangan yang dikemukakan untuk menyokong tuntutan pengecualian di bawah seksyen ini adalah tidak benar.

19. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta 378 dengan memotong subseksyen (2) untuk mencerminkan amalan penyeteman semasa yang tidak lagi memerlukan pandangan Pemungut.

20. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda seksyen 20A Akta 378 untuk mengenakan duti *ad valorem* ke atas pertukaran harta tanah sebagaimana pemindahhakan semasa jualan tanpa mengira sama ada pertukaran itu melibatkan suatu balasan. Pindaan yang dicadangkan juga memperuntukkan bahawa pertukaran harta tanah antara pihak-pihak tertentu tidak tertakluk kepada duti *ad valorem*.

21. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda seksyen 20B Akta 378 untuk memperkenalkan amalan penyeteman baharu yang menurutnya keperluan affidavit oleh penerima pindahan digantikan dengan pengisytiharan penerima pindahan yang dibuat dalam penyata.
22. *Fasal 23* bertujuan untuk menggantikan seksyen 21 Akta 378 untuk memperkenalkan pengenaan duti *ad valorem* ke atas apa-apa kontrak atau perjanjian bagi penjualan apa-apa harta termasuk saham atau sekuriti boleh pasar bagi mana-mana estet, estet atau kepentingan di sisi ekuiti dan perkara yang bersampingan dengannya.
23. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda seksyen 22 Akta 378 untuk mengeluarkan waran kuasa wakil sebagai surat cara untuk mendapatkan anuiti atau apa-apa hak lain kerana surat cara ini tidak lagi digunakan.
24. *Fasal 25* bertujuan untuk meminda seksyen 26 Akta 378 untuk mengeluarkan jaminan bagi bayaran tanggungan sewa daripada duti kerana surat cara jaminan tidak lagi digunakan.
25. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda seksyen 32 Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa pengenaan duti minimum sepuluh ringgit tidak terpakai bagi nota kontrak.
26. *Fasal 28* bertujuan untuk meminda seksyen 33 Akta 378 berbangkit daripada pindaan kepada Jadual Ketiga.
27. *Fasal 29* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 33A ke dalam Akta 378 untuk memberikan kuasa kepada Pemungut untuk melantik mana-mana orang sebagai ejen bagi pembayar duti dan orang itu dikehendaki untuk membayar duti atau penalti yang kena dibayar di bawah Akta ini bagi pihak pembayar duti daripada apa-apa wang termasuk hasil jualan atau sewa. Kegagalan ejen itu untuk membayar duti atau penalti itu akan menyebabkan ia menjadi hutang kena dibayar kepada Kerajaan. Seksyen baharu 33A selanjutnya memperuntukkan bahawa Pemungut boleh menghendaki mana-mana orang untuk memberikan maklumat berkenaan dengan apa-apa wang, dana atau aset lain yang dipegang olehnya, atau apa-apa wang yang kena dibayar olehnya kepada pembayar duti. Jika ejen itu terkilan dengan pelantikan itu, dia boleh membantah pelantikan itu melalui notis bertulis kepada Pemungut dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pelantikan.
28. *Fasal 30* bertujuan untuk menggantikan seksyen 35 Akta 378 untuk mengadakan peruntukan bagi surat cara yang dikecualikan daripada duti. Sebelum pindaan, pengecualian diperuntukkan dalam Jadual Pertama.
29. *Fasal 31* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 35A dan 35B ke dalam Akta 378. Seksyen baharu 35A menghendaki tiap-tiap orang untuk memberikan penyata berkenaan dengan suatu surat cara yang disempurnakan dan boleh dikenakan duti. Seksyen baharu 35B bertujuan untuk menghendaki tiap-tiap orang untuk menyimpan bagi tempoh tujuh tahun surat cara dan dokumen yang berkaitan berhubungan dengan surat cara yang telah disetamkan atau disifatkan telah disetamkan mengikut Akta 378.

30. *Fasal 32* bertujuan untuk menggantikan seksyen 36 Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa dalam hal pembayar duit mengemukakan penyata di bawah perenggan 36(1)(a) atau (b), Pemungut hendaklah menaksir duit itu dan duit itu hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar dalam tempoh empat belas hari dari tarikh taksiran. Dalam hal penyata yang pembayar duit memilih untuk membuat taksiran sendiri, penyata itu disifatkan sebagai taksiran oleh Pemungut dan taksiran yang disifatkan hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penyata itu dikemukakan. Pindaan yang dicadangkan juga membenarkan Pemungut untuk membuat taksiran jika surat cara yang boleh dikenakan duit tidak disetamkan dengan sempurna. Seksyen ini juga memperuntukkan taksiran yang disifatkan telah ditaksirkan hendaklah tertakluk kepada seksyen 50A Akta 378.
31. *Fasal 33* bertujuan untuk memotong seksyen 36A, 36AA, 36B dan 36C Akta 378 yang menjadi tidak berkaitan selepas pengenalan swataksir.
32. *Fasal 34* bertujuan untuk meminda seksyen 37 Akta 378 berbangkit daripada pemotongan seksyen 36A, 36AA, 36B dan 36C.
33. *Fasal 35* bertujuan untuk memotong seksyen 38 Akta 378 untuk mencerminkan amalan penyeteman semasa iaitu semua surat cara yang boleh dikenakan duit mesti ditaksir.
34. *Fasal 36 dan 37* bertujuan untuk meminda seksyen 38A dan 39 Akta 378 berbangkit daripada pemotongan seksyen 36A, 36AA, 36B dan 36C.
35. *Fasal 38* bertujuan untuk meminda seksyen 40 Akta 378 berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 36 yang memberikan pilihan kepada pembayar duit untuk tidak membawa surat cara kepada Pemungut untuk taksiran.
36. *Fasal 39* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 40A ke dalam Akta 378 bagi memperuntukkan bahawa pengiraan duit atau penalti yang sepatutnya adalah dengan membundarkannya kepada ringgit terdekat dan duit minimum yang dikenakan ialah sepuluh ringgit.
37. *Fasal 40* bertujuan untuk meminda seksyen 42 Akta 378 bagi mengecualikan pemakaian seksyen ini bagi nota janji hutang.
38. *Fasal 41* bertujuan untuk meminda seksyen 43 Akta 378 bagi mengecualikan pemakaian seksyen ini bagi nota janji hutang yang disempurnakan di luar Malaysia.
39. *Fasal 42 dan 43* bertujuan untuk meminda seksyen 44 dan 45 Akta 378 masing-masing berbangkit daripada pengecualian bil pertukaran daripada pemakaian kedua-dua seksyen itu pada tahun 1992.
40. *Fasal 44* bertujuan untuk meminda seksyen 47 Akta 378 bagi membolehkan nota janji hutang disetamkan selepas penyempurnaan.
41. *Fasal 45* bertujuan untuk meminda seksyen 47A Akta 378 untuk menaikkan penalti bagi penyeteman lewat.

42. *Fasal 46* bertujuan untuk meminda seksyen 48 Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa Pemungut hanya akan mengendors bayaran penalti jika bayaran disempurnakan melalui cara setem berpelekat.

43. *Fasal 47* bertujuan untuk meminda seksyen 50 Akta 378 untuk membolehkan Kerajaan memungut semua duti, penalti dan jumlah lain yang dikehendaki dibayar di bawah Akta ini melalui prosiding sivil. Seksyen ini selanjutnya memperuntukkan dalam sesuatu guaman di bawah Akta ini, pengemukaan suatu perakuan yang ditandatangani oleh Pemungut yang memberikan nama dan alamat defendan dan amaun duti atau penalti yang genap masa dibayar olehnya hendaklah menjadi autoriti yang mencukupi bagi mahkamah untuk memberikan penghakiman bagi amaun itu.

44. *Fasal 48* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 50B ke dalam Akta 378 untuk membenarkan pembayar duti yang telah membayar duti setem berlebihan atas sebab kesilapan atau kesalahan untuk membuat permohonan bagi mendapatkan pelepasan daripada Pemungut dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam seksyen itu.

45. *Fasal 49* bertujuan untuk meminda seksyen 51 Akta 378 untuk membenarkan pegawai badan berkanun untuk mengimpaun surat cara yang tidak disetamkan dengan sempurna.

46. *Fasal 50* bertujuan untuk meminda seksyen 55 Akta 378 untuk mencerminkan amalan penyeteman semasa yang tidak lagi mengenakan fi adjudikasi.

47. *Fasal 51* bertujuan untuk meminda seksyen 56 Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa pemakaian seksyen 56 adalah tertakluk kepada Akta 378 sahaja.

48. *Fasal 52* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 56A ke dalam Akta 378 untuk membolehkan Pemungut menuntut mana-mana duti, penalti atau jumlah yang genap masa kena dibayar yang tidak dibayar, oleh simati di bawah Akta ini daripada wasi harta pusaka simati. Seksyen yang dicadangkan selanjutnya memperuntukkan bahawa amaun mana-mana duti, penalti atau jumlah yang kena dibayar oleh wasi hendaklah menjadi suatu hutang yang genap masanya dibayar daripada harta pusaka simati. Seksyen ini juga mensyaratkan bahawa wasi tidak boleh membahagi-bahagikan mana-mana aset simati melainkan jika wasi telah membuat peruntukan bagi pembayaran penuh apa-apa duti, penalti atau jumlah yang wasi ketahui atau boleh dengan munasabah menjangkakan kena dibayar oleh wasi di bawah seksyen ini. Jika wasi gagal membuat pengutukan sedemikian, wasi itu bertanggungjawab, secara bersesama dan berasingan dengan wasi yang lain, untuk membayar penalti bersamaan dengan amaun duti, penalti atau jumlah yang kena dibayar.

49. *Fasal 53* bertujuan untuk meminda seksyen 57 Akta 378 untuk menjelaskan bahawa “*any person*” yang disebut dalam subperenggan 57(f)(iv) tidak termasuk pembayar duti. Cadangan pindaan juga bertujuan untuk menjelaskan subperenggan 57(f)(vi) iaitu bahawa elaun boleh dituntut jika perjanjian tidak dilaksanakan oleh satu pihak selain pembeli.

50. *Fasal 54* bertujuan untuk meminda seksyen 59 Akta 378 untuk mengeluarkan elaun bagi setem yang tidak digunakan.
51. *Fasal 55* bertujuan untuk meminda seksyen 60 Akta 378 untuk menaikkan jumlah denda maksimum bagi kegagalan membatalkan setem berpelekat daripada lima ratus ringgit kepada enam ribu ringgit.
52. *Fasal 56* bertujuan untuk meminda seksyen 61 Akta 378 untuk menaikkan jumlah denda maksimum bagi kegagalan mengemukakan semua fakta dan hal keadaan yang dikehendaki di bawah seksyen 5 Akta 378 daripada dua ribu lima ratus ringgit kepada sepuluh ribu ringgit.
53. *Fasal 57* bertujuan untuk meminda seksyen 63 Akta 378 untuk menaikkan jumlah denda maksimum bagi kesalahan di bawah seksyen ini daripada satu ribu lima ratus ringgit kepada enam ribu ringgit.
54. *Fasal 58* bertujuan untuk meminda seksyen 64 Akta 378 untuk menaikkan jumlah denda maksimum bagi kegagalan untuk menyempurnakan dan menghantar nota kontrak daripada satu ribu lima ratus ringgit kepada enam ribu ringgit.
55. *Fasal 59* bertujuan untuk meminda seksyen 65 Akta 378 untuk menaikkan jumlah denda maksimum bagi kesalahan yang berhubungan dengan nota janji hutang lepas tarikh daripada dua ribu lima ratus ringgit kepada sepuluh ribu ringgit.
56. *Fasal 60* bertujuan untuk meminda seksyen 67 Akta 378 untuk menaikkan jumlah denda maksimum bagi kesalahan di bawah seksyen ini daripada satu ribu ringgit kepada empat ribu ringgit.
57. *Fasal 61* bertujuan untuk meminda seksyen 68 Akta 378 untuk menaikkan jumlah denda maksimum bagi kesalahan di bawah seksyen ini daripada satu ribu ringgit kepada empat ribu ringgit.
58. *Fasal 62* bertujuan untuk meminda seksyen 69 Akta 378 untuk menaikkan jumlah denda maksimum bagi kesalahan mengeluarkan waran syer atau sijil stok yang tidak disetamkan dengan sempurna daripada satu ribu lima ratus ringgit kepada enam ribu ringgit.
59. *Fasal 63* bertujuan untuk meminda seksyen 71 Akta 378 untuk menaikkan jumlah denda maksimum bagi urus niaga setem tanpa kebenaran daripada satu ribu ringgit kepada sepuluh ribu ringgit.
60. *Fasal 64* bertujuan untuk meminda seksyen 72 Akta 378 untuk menaikkan jumlah denda maksimum bagi setem yang dibawa bagi tujuan untuk dijaja daripada satu ribu ringgit kepada sepuluh ribu ringgit.
61. *Fasal 65* bertujuan untuk meminda seksyen 72A Akta 378 untuk menaikkan jumlah denda maksimum bagi kesalahan yang berhubungan dengan sijil setem daripada lima ribu ringgit kepada sepuluh ribu ringgit.

62. *Fasal 66* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 72B dan 72C ke dalam Akta 378. Seksyen baharu 72B mengadakan peruntukan bagi kesalahan dan penalti bagi kegagalan menyimpan rekod menurut subseksyen 9(7) dan seksyen 35B, bagi kegagalan memberikan notis yang dikehendaki di bawah subseksyen 15(6A) atau 15A(6) dan kegagalan untuk mengemukakan penyata mengikut seksyen 35A. Seksyen baharu 72C memberikan kuasa kepada mahkamah untuk mengeluarkan perintah selanjutnya ke atas orang yang telah disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta 378.

63. *Fasal 67* bertujuan untuk meminda seksyen 74 Akta 378 untuk menaikkan jumlah denda maksimum bagi kesalahan yang berhubungan dengan fraud, muslihat dan tipu berhubungan dengan duti daripada lima ribu ringgit kepada sepuluh ribu ringgit.

64. *Fasal 69* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 75A ke dalam Akta 378 untuk menghendaki Pemungut untuk mendapatkan kebenaran bertulis Pendakwa Raya sebelum sesuatu kesalahan boleh dikompaunkan. Seksyen baharu 75A juga memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan kesalahan yang boleh dikompaun.

65. *Fasal 70* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 76A ke dalam Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang menjalankan hak untuk mengakses atau hak untuk mengambil milik di bawah seksyen 3A Akta 378 hendaklah membawa waran dalam borang yang ditetapkan oleh Pemungut.

66. *Fasal 71* bertujuan untuk meminda seksyen 77A Akta 378 untuk membenarkan seseorang untuk membayar duti setem dengan menggunakan medium elektronik. Orang itu mesti terlebih dahulu mendaftar dengan Pemungut untuk membolehkan dia menggunakan medium elektronik. Orang itu boleh membayar secara pindahan dana elektronik yang dengannya sijil setem dikeluarkan dan sijil itu mesti dikepilkan pada surat cara itu. Sebagai tambahan, sijil setem juga boleh diperolehi jika orang itu membayar duti yang ditaksirkan di pejabat setem.

67. *Fasal 72* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 77C ke dalam Akta 378 untuk mengadakan peruntukan bagi permohonan untuk menjadi orang berdaftar bagi menggunakan medium elektronik. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 77D ke dalam Akta 378 untuk memberikan kuasa kepada Pemungut untuk menentukan borang yang diperlukan bagi kegunaan Akta ini.

68. *Fasal 73* bertujuan untuk meminda seksyen 78 Akta 378 bagi memberi Menteri kuasa untuk memberikan arahan bersifat am kepada Pemungut dalam pelaksanaan fungsi Pemungut di bawah Akta ini.

69. *Fasal 74, 75, 76 dan 77* masing-masing bertujuan untuk menggantikan Jadual Pertama, Kedua, Ketiga dan Kelima Akta 378.

70. *Fasal 78* bertujuan untuk memperkatakan peruntukan kecualian dan peralihan.

71. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan pada masa ini.

[PN(U2)2984]